

SYARAT-SYARAT AM SEWAAN ASET / PERALATAN MAJLIS DAERAH YAN

1.0 Permohonan Sewaan

- i. Pemohon perlu mengisi borang permohonan atau menghantar surat permohonan kepada Unit Pengurusan Harta, Majlis Daerah Yan.
- ii. Borang permohonan boleh dimuat naik di laman sesawang www.mdyan.gov.my/ atau boleh didapati di kaunter Pejabat Majlis Daerah Yan.
- iii. Kelulusan permohonan bergantung kepada kekosongan sewaan.

2.0 Wang Pertaruhan

- i. Membuat bayaran wang pertaruhan terlebih dahulu bagi tujuan pengesahan tempahan.
- ii. Wang pertaruhan yang ditetapkan adalah bergantung kepada pegawai Majlis Daerah Yan.

3.0 Pembayaran Keseluruhan Amaun Sewaan

- i. **Pemohon perlu menjelaskan keseluruhan amaun sewaan yang telah ditetapkan sekurang-kurangnya (3) hari sebelum tarikh penyewaan bermula.**
- ii. Sekiranya gagal membuat pembayaran penuh dalam tempoh yang ditetapkan, tempahan tersebut akan terbatal.
- iii. Sekiranya gagal mematuhi tarikh dan masa penyewaan dalam tempoh 24 jam, sewaan dianggap batal. Amaun sewaan dan wang pertaruhan tidak akan dikembalikan.

4.0 Penarikan Wang Pertaruhan

- i. Majlis Daerah Yan berhak menarik keseluruhan wang pertaruhan atau atas budi bicara jabatan sekiranya **pemohon gagal mematuhi syarat-syarat khusus** yang telah ditetapkan.

5.0 Tuntutan Wang Pertaruhan

- i. Untuk permohonan tuntutan wang pertaruhan, sila kemukan:
 - a. Borang tuntutan wang pertaruhan yang lengkap
 - b. Resit asal bayaran wang pertaruhan
 - c. Salinan penyata akaun bank bagi tujuan pembayaran dibuat
- ii. Pemohon diberi tempoh 3 bulan untuk membuat permohonan tuntutan wang pertaruhan dari tarikh tamat penyewaan dan sekiranya gagal membuat tuntutan dalam tempoh yang ditetapkan, maka MDY berhak ke atas wang tersebut dan dimasukkan ke dalam akaun hasil MDY.
- iii. **Bayaran wang pertaruhan akan dikembalikan kepada penama resit sahaja.**
- iv. Sekiranya resit asal wang pertaruhan hilang, pemohon perlu membuat akuan sumpah terlebih dahulu.
- v. Wang pertaruhan akan dikembalikan sekiranya MDY mendapati semua syarat-syarat yang dikenakan samada secara bertulis atau lisan dipatuhi.